

Malaysia akan terus bersaing untuk tarik pelaburan asing

BH 13 OCT 2000

SUBANG, Khamis - Malaysia akan terus bersaing dengan negara lain untuk menarik pelaburan asing, termasuk dari Amerika Syarikat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Serentak itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia akan menimbang permintaan pelabur asing dan melihat apa yang boleh ditawarkan.

"Kita kena bersaing dengan negara lain. Kita tengok apa yang dia nak dan apa yang boleh kita bagi," katanya pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, sekembali dari lawatan kerja 10 hari ke Britain dan lawatan singkat ke Bosnia Herzegovina.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu serta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin adalah antara Jemaah Menteri yang menyambut kepulangan Perdana Menteri.

Dr Mahathir mengulas laporan akhbar hari ini yang mengatakan pelaburan dari Amerika Syarikat ke Malaysia mungkin lembap berikutan persaingan dari negara lain.

Presiden Dewan Perdagangan Amerika-Malaysia, Nicholas Zefferys, berkata Malaysia perlu bersaing dengan pelbagai negara

untuk menarik pelaburan dari Amerika Syarikat.

Mengulas mengenai keputusan British Airways (BA) menggantung penerbangan ke Malaysia mulai April tahun depan, Dr Mahathir berkata, beliau tidak mahu memberi sebarang ulasan sehinggalah beliau mendapat butiran terperinci.

BA, antara syarikat penerbangan asing paling lama beroperasi di negara ini, memberhentikan perkhidmatan Kuala Lumpur-London, berikutan mengalami kerugian RM69.9 juta.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata kerajaan akan menamatkan mengenai keputusan BA itu me-

nerusi faksimili pada awal pagi kelmarin.

Mengenai keputusan Kabinet mengharamkan permainan video, Dr Mahathir berkata keputusan itu bukan dibuat secara main-main.

"Keputusan dibuat tentulah mengikut perbincangan oleh kerajaan walaupun saya tidak ada (dalam mesyuarat Kabinet), Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bertanggungjawab.

"Keputusan Kabinet ketika Abdullah mempegang kita pegang," katanya ketika mengulas keputusan Jemaah Menteri mengekalkan keputusannya melarang kegiatan permainan

video di semua premis tanpa sebarang pengecualian.

Dengan pengekalan larangan itu, semua premis video dan mesin slot haram di seluruh negara, termasuk di kafe siber, perlu ditutup dalam tempoh dua bulan.

Mengenai penubuhan Puteri Umno, beliau berkata, perkara itu akan dibincangkan mengikut saluran parti.

"Kita bincang tengok mana yang sesuai. Ini masalah dalaman parti dan kita boleh selesai sesama kita," katanya mengulas cadangan balas Pergerakan Wanita Umno supaya umur maksimum Puteri Umno pada usia 25 tahun.